

NO. SOALAN: 4

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 1 APRIL 2014

RUJUKAN : 6581

SOALAN:

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah kes kecurian mesin
ATM sehingga Disember 2013.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, Penggunaan *Automated Teller Machine (ATM)* mula diperkenalkan di negara ini pada tahun 1981 oleh HSBC Bank. Mengikut rekod polis kes curi mesin ATM yang dilaporkan pada tahun 2012 adalah sebanyak 2 kes dan pada tahun 2013 pula sebanyak 5 kes.

Manakala statistik kesalahan berkaitan Mesin ATM pada tahun 2012 adalah sebanyak 54 kes dan pada tahun 2013 adalah sebanyak 78 kes.